

Usim fokus misi pasca banjir

MUSIBAH banjir yang melanda beberapa negeri khususnya di pantai timur mula menunjukkan pengurangan. Mangsa mula kembali ke kediaman masing-masing dan kini memasuki fasa pasca banjir.

Susunan Mesyuarat Khas Ops Banjir yang dipengerusikan Ketua Setiausaha II Kementerian Pendidikan pada 31 Disember lalu, Usim dipertanggungjawabkan untuk memfokuskan misi bantuan dan sukarelawan pasca banjir ke Gua Musang,

Kelantan. Satu pasukan khas ditubuhkan di peringkat Universiti dikenali Smart Team yang sebagai penyelaras operasi ini.

Pasukan ini terdiri daripada gabungan pelbagai pihak dalaman Usim antaranya Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisan Usim (Pragmatis), Jabatan Keselamatan, Pusat Kesihatan, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Sekretariat Kesukarelawan Mahasiswa (SKM).

Operasi pasca banjir

ditumpukan kepada agihan bekalan makanan dan keperluan harian serta pembersihan kemudahan awam seperti sekolah, masjid, dewan dan kediaman penduduk.

Seramai 60 sukarelawan bertolak ke Gua Musang menggunakan kenderaan universiti. Sebanyak lima tan barangan keperluan asas dibawa. Pegawai Perubatan juga menyertai misi ini yang akan menjalankan pemeriksaan kesihatan di sana.



Pasukan Usim ketika misi bantuan kemanusiaan ke Gua Musang.